



كمنترين كبوداياهن، بليا دان سوكن  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



# جانغ

## CANANG

Mac 2026



[www.kkbs.gov.bn](http://www.kkbs.gov.bn)



[kkbs\\_brunei](https://www.instagram.com/kkbs_brunei)



[Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](https://www.facebook.com/KementerianKebudayaanBeliaDanSukan)



[kkbs\\_brunei](https://www.youtube.com/kkbs_brunei)

## **SIDANG EDITORIAL CANANG**

### **Penasihat:**

Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan  
Setiausaha Tetap (Kebudayaan)

### **Pengerusi:**

Dayang Mirany Floridzah binti Abdul Rahman  
Pemangku Pengarah Pentadbiran dan Kewangan

### **Pengarang/Sumber Berita:**

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan  
Dewan Bahasa dan Pustaka  
Jabatan Muzium-Muzium  
Pusat Sejarah Brunei  
Jabatan Belia dan Sukan  
Jabatan Pembangunan Masyarakat  
Jabatan Penerangan

### **Susun Atur dan Penyelaras:**

Unit Perhubungan Awam  
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

### **Penyunting:**

Yang Mulia Dayang Dr. Hurul'Ain Nukhbah binti Rabaha  
Pegawai Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka

### **Prof dan Penyemakan:**

Yang Mulia Awang Suip bin Haji Abdul Wahab  
Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka

### **Fotografi:**

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan  
Dewan Bahasa dan Pustaka  
Jabatan Muzium-Muzium  
Pusat Sejarah Brunei  
Jabatan Belia dan Sukan  
Jabatan Pembangunan Masyarakat

### **Terima Kasih atas Ihsan foto kepada:**

Jabatan Penerangan

“

Beta mahu melihat **tindakan pelaksanaan yang lebih agresif serta ketahanan dalam merangka dasar dan strategi pembangunan negara, khususnya ke arah matlamat Wawasan Brunei 2035**, termasuk usaha berterusan dalam menerokai pelaburan strategik dalam sektor-sektor baharu yang boleh merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi negara dan usaha mengukuhkan fiskal kerajaan.

Keperluan untuk membangunkan perkara-perkara baharu bukanlah lagi satu pilihan, bahkan ianya satu keperluan yang wajar direalisasikan. Namun begitu, kemajuan juga perlu seimbang dengan perbelanjaan berhemah, termasuk mengutamakan inisiatif yang berimpak tinggi untuk meningkatkan daya tahan negara.

Pendekatan-pendekatan baharu memang diperlukan dalam mewujudkan eko-sistem kondusif ke arah **pemerkasaan peranan sektor swasta serta perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS)**.

Dari sudut **infrastruktur dan kemudahan awam**, usaha perlu diteruskan dengan meneroka **penyediaan perkhidmatan pengangkutan awam yang lebih berkualiti dan selamat**.

Beta menyeru pihak-pihak yang berkenaan terutama Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya untuk bukan sahaja melihat dari segi perundangan dan penguatkuasaan tetapi juga mesti mengambil berat Prasarana yang selamat untuk digunakan.

Kerajaan Beta akan terus **memperkuh budaya kerja yang bersih, beretika, berintegriti dan tadbir urus yang cemerlang merentasi semua sektor**. Kerajaan Beta tidak akan bertolak ansur dalam membanteras gejala rasuah kerana jika tidak dibendung, ianya akan mengancam keselamatan negara.

”

Petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda  
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzadin Waddaulah  
Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin,  
Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam  
Sempena Sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim  
Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) Bagi Tahun 1447H / 2026M



**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADIN WADDAULAH  
IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIN SA'ADUL KHAIRI WADDIN,  
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

## ISI KANDUNGAN

## MUKA SURAT

KKBS SEMARAKKAN RAMADAN DENGAN TADARUS AL-QURAN	6
MESYUARAT KE-34 MAJLIS KOMUNITI SOSIO-BUDAYA ASEAN (ASCC) DAN MESYUARAT-MESYUARAT BERKAITAN MAKATI, REPUBLIK FILIPINA	8
MAJLIS SAMBUTAN NUZUL AL-QURAN KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN DAN JABATAN-JABATAN DI BAWAHNYA	9
MAJLIS MEMBACA SURAH YASIN DAN BERTAHLIL DI MAKAM DIRAJA	10
MAJLIS KHATAM AL-QURAN 42 KALI SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-42, TAHUN 2026	11
MAJLIS BERTADARUS AL-QURAN DI MASJID-MASJID BAGI KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN SEMPENA BULAN RAMADAN 1447H/2026M	14
MAJLIS SAMBUTAN HARI WANITA ANTARABANGSA TAHUN 2026	15
MAJLIS PELANCARAN JUALAN KUIH-MUIH RAYA BELIA 2026	17
PROGRAM 60 MINIT BERSAMA AL-QURAN	19
PROGRAM KEMBARA AMAL RAMADAN DI KEEMPAT-EMPAT DAERAH 1447H/2026M BAGI KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN	21
KUNJUNGAN HORMAT TYT RAMU ABBAGANI, PESURUHJAYA TINGGI INDIA KE NEGARA BRUNEI DARUSSALAM	23

## **KKBS SEMARAKKAN RAMADAN DENGAN TADARUS AL-QURAN**

**BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 13 Ramadan 1447/3 Mac 2026** – Seramai 700 warga Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan jabatan-jabatan di bawahnya telah mengimarahkan Majlis Bertadarus Malam-malam Bulan Ramadan bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang telah diadakan malam tadi bertempat di Surau Istana Nurul Iman.

Majlis tersebut dihadiri oleh Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, bersama rombongan di ruangan jemaah lelaki. Turut hadir ialah Setiausaha Tetap (Kebudayaan) KKBS, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan.


Manakala di ruangan jemaah perempuan, hadir sama ialah Pemangku Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) KKBS, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah.

Di Surau Istana Nurul Iman seramai 490 warga kementerian dan jabatan di bawahnya telah memenuhi ruangan lelaki, manakala 210 pegawai dan kakitangan wanita menghadiri majlis di ruangan jemaah perempuan.

Acara kemudian diteruskan dengan sesi tazkirah serta bacaan Tadarus Al-Quran sebelum ditutup dengan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Manakala di ruangan wanita, tazkirah telah disampaikan oleh Pembantu Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Dayang Hajah 'Aqilah Mukarramah binti Haji Salleh.

Dalam tazkirahnya, beliau menekankan bahawa berdoa dengan menyebut Asmaul Husna merupakan antara cara terbaik bagi seorang Muslim dalam memohon pertolongan kepada Allah Subhanahu Wata'ala.



# MESYUARAT KE-35 MAJLIS KOMUNITI SOSIO-BUDAYA ASEAN (ASCC) DAN MESYUARAT-MESYUARAT BERKAITAN MAKATI, REPUBLIK FILIPINA



**MAKATI, REPUBLIK FILIPINA, Selasa-Sabtu, 13-16 Ramadan 1447/3-6 Mac 2026** – Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, selaku Menteri Majlis Komuniti Sosio-Budaya ASEAN (ASCC) bagi Negara Brunei Darussalam, telah menghadiri Mesyuarat ASCC Ke-35 yang telah diadakan pada 5 Mac 2026 di Makati City, Republik Filipina. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Tuan Yang Terutama Rex Gatchalian, Secretary of Social Welfare and Development, Republik Filipina, di bawah tema Kepengerusian ASEAN Filipina, “Navigating Our Future, Together”. Timor-Leste telah menyertai mesyuarat ini buat pertama kalinya sebagai ahli ASEAN.

Sebelum mesyuarat berkenaan, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan turut menyertai Menteri-Menteri ASCC serta wakil sebagai ahli panel dalam ASCC High Level Forum 2026 pada 4 Mac 2026, sebagai platform penting pengongsian pandangan ASCC di peringkat tinggi ketika ASEAN melangkah ke arah pelaksanaan Wawasan Komuniti ASEAN 2045.

Mesyuarat Ke-35 Majlis ASCC dan ASCC High Level Forum 2026 telah didahului oleh Mesyuarat Ke-40 Senior Officials’ Committee for ASEAN Socio-Cultural Community (SOCA) yang diadakan pada 2 - 3 Mac 2026.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah disertai oleh Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin bin Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, selaku Ketua SOCA Negara Brunei Darussalam dan pegawai-pegawai kanan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

# MAJLIS SAMBUTAN NUZUL AL-QURAN KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN DAN JABATAN-JABATAN DI BAWAHNYA



**BERAKAS, Isnin, 19 Ramadan 1447/9 Mac 2026** – Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran bagi Tahun 1447 Hijrah bersamaan 2026 Masihi telah diadakan di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Majlis ini dikendalikan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Hadir selaku Tetamu Kehormat majlis ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Majlis turut diserikan dengan Ceramah Khas bertajuk “Berdamping dengan Al-Quran” yang disampaikan oleh Yang Mulia Awang Abdul Rahman bin Haji Ajak, Pensyarah Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).

## MAJLIS MEMBACA SURAH YASIN DAN BERTAHLIL DI MAKAM DIRAJA



**BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 20 Ramadan 1447/10 Mac 2026** – Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan jabatan-jabatan di bawahnya telah mengadakan Majlis Bertahlil dan Membaca Surah Yasin khusus bagi ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman serta paduka anakanda baginda, Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim. Majlis berlangsung di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong.

Hadir mengetuai rombongan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan jabatan-jabatan di bawahnya ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

# MAJLIS KHATAM AL-QURAN 42 KALI SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-42, TAHUN 2026



**BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 20 Ramadan 1447 / 10 Mac 2026** - Majlis Khatam Al-Quran 42 Kali sebagai salah satu acara sampingan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-42, Tahun 2026 telah diadakan secara serentak di keempat-empat daerah pada hari ini dengan tumpuan utama bagi Daerah Brunei dan Muara di Jame' Asr Hassanil Bolkiaah, Kampung Kiarong.

Hadir selaku Tetamu Kehormat Majlis ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

---

Bagi Daerah Belait, majlis diadakan di Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Pandan. Hadir selaku Tetamu Kehormat Majlis ialah Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohd Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

# MAJLIS KHATAM AL-QURAN 42 KALI SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-42, TAHUN 2026



Bagi Daerah Tutong, majlis telah diadakan di Masjid Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, Kampung Sengkarai. Hadir selaku Tetamu Kehormat Majlis ialah Yang Mulia Dato Seri Pahlawan Awang Sulaiman bin Alidin, Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Perdana Menteri.

# MAJLIS KHATAM AL-QURAN 42 KALI SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-42, TAHUN 2026



Bagi Daerah Temburong, tumpuan majlis adalah di Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Rataie dan hadir selaku Tetamu Kehormat Majlis ialah Yang Mulia Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

## **MAJLIS BERTADARUS AL-QURAN DI MASJID-MASJID BAGI KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN SEMPENA BULAN RAMADAN 1447H/2026M**



**KUALA BELAIT, Rabu, 21 Ramadan 1447/11 Mac 2026** – Dalam menyemarakkan lagi bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta Jabatan-Jabatan di bawahnya telah mengadakan Majlis Bertadarus Al-Quran di Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait, Daerah Belait.

Majlis ini dikendalikan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan Belia dan Sukan dengan kerjasama Jawatankuasa Takmir Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait, Daerah Belait.

Majlis ini diteruskan lagi dengan penyampaian wakaf kepada Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait. Majlis ini diakhiri dengan sembahyang fardu Maghrib berjemaah.

# MAJLIS SAMBUTAN HARI WANITA ANTARABANGSA TAHUN 2026



# **MAJLIS SAMBUTAN HARI WANITA ANTARABANGSA TAHUN 2026**

**JERUDONG, Khamis, 22 Ramadan 1447/12 Mac 2026** – Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) telah mengadakan Majlis Sambutan Hari Wanita Antarabangsa Tahun 2026 bertempat di Dar Al-Intishar, Kompleks Sukan Jerudong.

Hadir selaku Tetamu Kehormat Majlis ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan pelancaran penerbitan Buku Ringkasan Eksekutif Penyelidikan mengenai Pembangunan Wanita di Negara Brunei Darussalam yang disempurnakan oleh Tetamu Kehormat Majlis.

Majlis turut menyaksikan penyerahan Buku Ringkasan Eksekutif kepada ahli Majlis Mesyuarat Negara, ahli-ahli Jawatankuasa Khas Institusi Keluarga, Wanita dan Kanak Kanak, Majlis Kebangsaan Isu Sosial (MKIS) dan Centre for Strategic and Policy Studies sebagai rujukan dalam usaha memperkukuhkan inisiatif dan program pembangunan wanita di negara ini.

Hari Wanita Antarabangsa disambut pada 8 Mac setiap tahun merupakan satu detik penting dalam mengiktiraf sumbangan serta pencapaian wanita di seluruh dunia. Tahun 2026 menandakan kali ke-13 Negara Brunei Darussalam meraikan sambutan ini.

Turut hadir ialah Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee, ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Mulia Awang Ajman bin Haji Meludin, Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam) Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Yang Mulia Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Hadir sama ialah ahli-ahli Jawatankuasa Khas Institusi Keluarga, Wanita dan Kanak-Kanak, Majlis Kebangsaan Isu Sosial (MKIS), pegawai-pegawai kanan kerajaan serta jemputan-jemputan khas.

# MAJLIS PELANCARAN JUALAN KUIH-MUIH RAYA BELIA 2026



# MAJLIS PELANCARAN JUALAN KUIH-MUIH RAYA BELIA 2026



**BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 25 Ramadan 1447/14 Mac 2026** - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan sedang mengendalikan Jualan Kuih-Muih Raya Belia 2026 bermula 9 hingga 18 Mac 2026 mulai pukul 10.00 pagi hingga 10.00 malam di Dewan Riadah, Pusat Belia, Bandar Seri Begawan.

Sehubungan itu, Majlis Pelancaran Jualan Kuih-Muih Raya Belia 2026 telah diadakan hari ini dan hadir selaku tetamu kehormat bagi melancarkan jualan tersebut ialah Yang Mulia Datin Hajah Nahriah binti Haji Awang Hasbi, Isteri Menteri Hal Ehwal Ugama.

Jualan Kuih-Muih Raya Belia 2026 ini merupakan salah satu aktiviti keusahawanan yang diadakan dalam bulan Ramadan bagi persiapan menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri. Antara objektif jualan ini ialah bagi memberi peluang kepada belia dan masyarakat di negara ini menceburi bidang keusahawanan dan meningkatkan kemahiran serta menjana ekonomi masing-masing. Di samping itu, ianya juga dapat membantu dalam mempromosikan produk yang mereka usahakan untuk mencari pelanggan tetap.

Sebanyak 26 buah petak jualan telah disediakan bagi peniaga tempatan yang terdiri daripada ahli-ahli Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI) Negara Brunei Darussalam dan kumpulan belia menyertai jualan ini, yang mana telah dilaratkan lagi dengan penjualan pelbagai produk kuih-muih serta produk barangan yang lain.

## PROGRAM 60 MINIT BERSAMA AL-QURAN



**BERAKAS, Isnin, 26 Ramadan 1447/16 Mac 2026** – Dalam usaha untuk memupuk budaya membaca serta menggalakkan masyarakat yang beragama Islam di negara ini untuk membaca Al-Quran, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melalui Bahagian Perpustakaan mengadakan Program 60 Minit Bersama Al-Quran secara fizikal di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan secara maya menerusi laman sosial DBP.

Hadir selaku Tetamu Kehormat Majlis ialah Yang Mulia Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Majlis diteruskan dengan bacaan Al-Quran beramai-ramai selama 60 minit secara serentak, iaitu Juzuk 4, Surah Ali Imran, ayat 93 – 200 dan Surah An-Nisa, ayat 1 – 23.

Penstriman langsung menerusi aplikasi Zoom turut disertai oleh pegawai dan kakitangan kerajaan, mahasiswa institusi pengajian tinggi, pelajar sekolah, pihak persatuan serta orang ramai. Siaran langsung juga dapat diikuti melalui YouTube, Instagram dan TikTok Perpustakaan DBP.

Program juga diselenggarakan dengan Majlis Khatam Al-Quran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta Majlis Penyampaian Derma kepada Anak-anak Yatim.

# PROGRAM 60 MINIT BERSAMA AL-QURAN



# **PROGRAM KEMBARA AMAL RAMADAN DI KEEMPAT-EMPAT DAERAH 1447H/2026M BAGI KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**



**DAERAH BRUNEI-MUARA, DAERAH BELAIT, DAERAH TUTONG & DAERAH TEMBURONG, Selasa, 27 Ramadan 1447/17 Mac 2026** – Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat telah menganjurkan Program Kembara Amal Ramadan secara serentak di keempat-empat daerah pada 17 Mac 2026 kepada 17 buah keluarga daripada golongan susah termasuk penerima Bantuan Kebajikan Bulanan JAPEM, anak-anak yatim, warga emas dan Orang Kelainan Upaya (OKU).

Bagi Daerah Brunei dan Muara rombongan kembara diketuai oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Kembara di Daerah Belait diketuai oleh Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Kembara di Daerah Temburong diketuai oleh Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Manakala di Daerah Tutong pula diketuai oleh Yang Mulia Dr Siti Norkhalbi binti Haji Wahsafelah, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



## KUNJUNGAN HORMAT TUAN YANG TERUTAMA RAMU ABBAGANI, PESURUHJAYA TINGGI INDIA KE NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



**BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 Syawal/30 Mac 2026** – Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad, Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan telah menerima kunjungan hormat daripada Tuan Yang Terutama Ramu Abbagani, Pesuruhjaya Tinggi India ke Negara Brunei Darussalam.



Majlis berlangsung di Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, turut dihadiri oleh Yang Mulia Dayang Hajah Fauziah binti Haji Abd Hamid, Pengarah Penyelidikan, Perkembangan dan Hal Ehwal Antarabangsa, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



# E-POSTER SEMPENA MEMPERINGATI NUZUL AL-QURAN TAHUN 1447 HIJRAH



كمنتريڤ كبوداڤااڤن، بليا دان سوكن  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

## سلامت مقرأيتي نزول القرآن ناهون ١٤٤٧ هجرة

١٧ رمضان ١٤٤٧هـ برسامان ٦ مچ ٢٠٢٦م

تيا : مغوكوهكن قمبلاجرن القرآن دان مغياتي اجرش

Pelita dinyalakan di tepi taman,  
Menyinar redup suasana halaman;  
Kitab Al-Quran menjadi pedoman,  
Menyuluh hidup sepanjang zaman.



[www.kkbs.gov.bn](http://www.kkbs.gov.bn)



[kkbs\\_brunei](https://www.instagram.com/kkbs_brunei)




Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



[kkbs\\_brunei](https://www.youtube.com/kkbs_brunei)

# E-POSTER SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI 1447H/2026M





كمنترین كبودایاءن، بلیادان سوكن  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Dikeluarkan oleh:  
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan  
Negara Brunei Darussalam  
E-mel: [Info@kkbs.gov.bn](mailto:Info@kkbs.gov.bn)  
Laman Sesawang: [www.kkbs.gov.bn](http://www.kkbs.gov.bn)  
Instagram: @kkbs\_brunei  
Facebook: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan